

Jurnal Arkeologi Malaysia, 26, 2013
Jurnal Arkeologi Sarawak: Kajian Kes Warisan Budaya Masyarakat Iban

Jurnal Arkeologi Malaysia, 26, 2013

Isi kandungan ini adalah hasil kerja dan penelitian bersama-sama oleh ahli-ahli Muzium Etnologi Sarawak dan ahli-ahli universiti dan institusi lain yang berminat dalam kepentingan warisan budaya masyarakat Iban.

Muzium Etnologi Sarawak: Kajian Kes Warisan Budaya Masyarakat Iban

oleh

ALEXANDER AK CHELUM dan OTHMAN YATIM, Ph.D.*

Pendahuluan

Muzium Sarawak (Bangunan Lama) atau sekarang lebih dikenali sebagai Muzium Etnologi didirikan dalam tahun 1891 dan diperbesarkan seperti bentuk yang sedia ada dalam tahun 1911. Pada asalnya bangunan ini dibina untuk menyimpan dan mempamerkan seni kraftangan masyarakat pribumi tempatan dan koleksi binatang tempatan seperti yang dicadangkan oleh Pakar Alam Semulajadi, Alfred Wallace, yang menjalankan kerja-kerja mengumpul spesimen-spesimen di Negeri Sarawak pada masa tersebut.

Muzium Etnologi Sarawak merupakan sebuah institusi yang sangat penting dalam memelihara dan mempromosikan warisan budaya masyarakat Sarawak tidak terkecuali warisan budaya masyarakat Iban. Hal ini kerana warisan budaya masyarakat Sarawak yang unik dan berlainan antara satu dengan yang lain ini merupakan wadah perpaduan kepada masyarakat Malaysia dan sebagai produk pelancongan yang boleh menarik minat pelancong bukan sahaja dari dalam malah dari luar negara untuk berkunjung ke Sarawak bagi melihat dan mempelajari sendiri keunikan warisan budaya yang terdapat di Sarawak.

Perkembangan yang positif ini ternyata membawa manfaat yang amat besar dalam konteks pembangunan industri pelancongan di negeri ini sekali gus

* Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.